

# Bantu pelajar kurang cemerlang

*Hariana metro 20/05/2010 MYS 18*

## Kementerian Pelajaran rangka kaedah beri peluang kuasai kemahiran

**>>Oleh Syarifah Dayana Syed Bakri**

dayana@hmetro.com.my

**P**UTRAJAYA: Satu kaedah terbaik akan dirangka bagi membantu pelajar kurang cemerlang atau gagal dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2009 dengan kerjasama Kementerian Pelajaran dan Kementerian Sumber Manusia.

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata bantuan itu bertujuan memberi peluang kepada pelajar berkenaan menyambung pelajaran bagi menguasai kemahiran tertentu.

Beliau yang juga Menteri Pelajaran berkata, selain Kementerian Sumber Manusia, kerjasama juga akan

dijalin dengan beberapa agensi berkaitan untuk membuka peluang kepada pelajar berkenaan.

“Dengan adanya kemahiran, sekarang-kurangnya mereka dapat meningkatkan pembelajaran dan kerjaya pada masa akan datang,” katanya pada majlis meraiikan pelajar dan sekolah terbaik Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2009 di sini, semalam.

Hadir sama, Timbalan Menteri Pelajaran, Datuk Wee Ka Siong; Ketua Setiausaha kementerian, Tan Sri Dr Zulkurnain Awang; Ketua Pengarah Pelajaran, Tan Sri Alimuddin Mohd Dom dan Pengarah Lembaga Peperiksaan Malaysia, Datuk Dr Salbiah Ismail.

Pada majlis itu 10 sekolah

dan 16 pelajar cemerlang termasuk dua pelajar dari Sekolah Sukan Bukit Jalil serta empat pelajar istimewa menerima sijil penghargaan dan piala.

Pemilihan sekolah itu dibuat berdasarkan Gred Purata Sekolah (GPS) iaitu gred mata pelajaran yang diambil calon peperiksaan dari sekolah itu.

Pelajar terbabit pula dipilih berdasarkan purata peratusan markah yang diperolehi calon tanpa memberi keutamaan kepada mana-mana mata pelajaran.

Antara sekolah terpilih mendapat anugerah sekolah terbaik ialah Sekolah Menengah Sains (SMS) Seremban, Kolej Islam Sultan Alam Shah (Kisas), Klang; SBPI Gombak, Sekolah Tun

Fatimah, Johor Bahru; SMS Alam Shah, Kuala Lumpur; SBPI Rawang, SMS Muar, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Infant Jesus Convent, Johor Bahru; SBPI Temerloh, Pahang dan Kolej Tunku Kurshiah, Seremban.

Sementara itu, Muhyiddin berkata, mulai tahun ini kementerianya membahagikan sekolah kepada empat kategori iaitu cemerlang, terbaik, memuaskan dan berpotensi mengikut GPS masing-masing.

“Langkah membahagikan sekolah mengikut kategori ini bertujuan memudahkan sekolah mengetahui tahap pencapaian mereka dan secara tidak langsung mendorong mereka berusaha mempertingkatkan GPS masing-masing,” katanya.